

26/10/2003

Dr M contoh pemimpin negara membangun

Ridzuan Yop; Nurul Hazren Masitom

KUALA LUMPUR: Pemimpin tempatan yakin negara membangun akan lebih dihormati di kalangan negara maju jika berjaya melahirkan lebih ramai pemimpin berani dan berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepemimpinan Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata rekod kepimpinan

Perdana Menteri yang baik bukan saja membolehkan Malaysia dikenali sebagai

negara membangun yang berjaya, malahan Dr Mahathir sendiri dijadikan contoh pemimpin negara membangun oleh sebahagian besar negara lain di dunia.

"Dr Mahathir membuktikan seseorang pemimpin negara membangun yang dihormati tidak hanya sekadar bercakap, tetapi berterus terang menegur mana-mana pihak yang dianggap tidak betul.

"Beliau lantang mengkritik pihak tertentu tetapi pada masa yang sama membuktikan bahawa beliau tidak perlu bergantung kepada orang lain dalam membina ekonomi negaranya, sebaliknya bangkit dengan kemampuan sendiri," katanya.

Timbalan Menteri Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin, berkata jika ada ramai pemimpin seperti Dr Mahathir di kalangan negara membangun, suara negara berkenaan akan lebih diberi perhatian dan tidak lagi diperlekeh negara Barat.

Katanya, memiliki keberanian saja tidak mencukupi kerana seseorang pemimpin itu juga perlu membuktikan kewibawaannya, dengan menjadikan negara yang ditadbirnya sebagai contoh dari segi pembangunan mental dan fizikal.

"Dr Mahathir berjaya membuktikan kewibawaannya mentadbir Malaysia dengan kemajuan dan pembangunan begitu pesat, kerana itu pendapat serta pandangannya diterima di peringkat antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri, Papua New Guinea (PNG), Sir Michael Somare, ketika berucap pada jamuan negara meraikan Perdana Menteri di Port Moresby, PNG, kelmarin berkata negara sedang membangun memerlukan pemimpin berani seperti Dr Mahathir untuk memperjuangkan kepentingan nasional dan negaranya berbangga mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Azimi Daim, berkata seorang pemimpin yang berani perlu bersedia membuat keputusan walaupun tidak popular bagi memastikan pembangunan dapat dilaksanakan demi kebaikan rakyat.

Beliau berkata, satu keberanian bagi seorang pemimpin negara sedang membangun seperti Dr Mahathir memberikan pandangan dan idea walaupun sedar ia akan mencetuskan kontroversi.

"Jika negara membangun mempunyai pemimpin yang lemah sudah pasti negara

maju akan mengambil kesempatan daripada kelemahan yang wujud dan mereka tidak akan dihormati oleh sesiapa pun," katanya.